

1. Pengenalan

- 1.1. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini sebelum anda memutuskan untuk membuka akaun pelaburan emas dan melakukan transaksi berkaitan dengan produk ini.
- 1.2. eMas KT adalah sebuah kolaborasi antara Koperasi Tentera ("KT") dan GO Innovate Asia Berhad ("GO") di mana KT akan bertindak sebagai ejen kepada GO dalam memasarkan dan mempromosikan eMas KT melalui platform dagangan emas digital ("Platform") yang disediakan oleh GO.
- 1.3. Pelanggan dengan ini melantik GO sebagai wakil bagi mengenalpasti, mengatur dan membayar penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan untuk menyimpan emas fizikal Pelanggan dengan selamat. Oleh yang demikian, sebarang perkara yang berkaitan dengannya adalah di antara Pelanggan dan GO.
- 1.4. KT/GO boleh menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dari semasa ke semasa, dan perubahan tersebut akan berkuatkuasa sebaik sahaja ianya disiarkan di Platform tanpa sebarang notis. Sekiranya anda terus menggunakan Platform ini atau berhubung dengan kami, anda dianggap telah bersetuju dengan perubahan tersebut setelah kami siarkannya di Platform.

2. Tafsiran

Dalam keadaan yang berikut:

- 2.1. **Akaun:** bermaksud akaun eMas KT yang dibuka melalui Platform.
- 2.2. **Matawang:** Transaksi di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
- 2.3. **Pelanggan (anda):** Mana-mana individu yang merupakan pemegang akaun dan melakukan transaksi melalui Platform.
- 2.4. **Penjaga:** GO bertindak sebagai penjaga eMas KT untuk mengenalpasti, mengatur dan membayar penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan bagi menyimpan bar emas fizikal dengan selamat.
- 2.5. **Emas Digital:** Emas yang diurusniagakan melalui Platform.
- 2.6. **Akaun Dorman:** Akaun yang tidak mempunyai sebarang baki emas dan tanpa transaksi debit atau kredit selama 6 bulan, tidak termasuk fi simpanan.
- 2.7. **Amaun Emas:** Semua transaksi di dalam Ringgit Malaysia (RM) bersamaan dengan kuantiti emas yang diurusniagakan mengikut harga emas pasaran semasa yang ditetapkan oleh GO.
- 2.8. **Pembelian Awal:** Pembelian pertama Emas Digital yang dilakukan oleh Pelanggan semasa pembukaan akaun eMas KT.
- 2.9. **LBMA:** London Bullion Market Association (LBMA), yang ditubuhkan pada 1987, merupakan persatuan dagangan antarabangsa yang mewakili pasaran bulion global atas kaunter, yang mentakrifkan dirinya sebagai "pihak berkuasa global bagi logam berharga". Ia mempunyai keahlian sebanyak lebih kurang 150 firma di seluruh dunia, termasuk pedagang, penapis, pengeluar, pelombong, pemfabrikasi emas dan mereka yang menyediakan perkhidmatan penyimpanan dan kiriman penghantaran yang terjamin.
- 2.10. **Harga Pasaran Emas Langsung:** bermaksud harga yang dipautkan kepada harga emas yang disediakan oleh LBMA di London.
- 2.11. **Platform:** laman sesawang bagi menjalankan transaksi Emas Digital yang diuruskan oleh GO.
- 2.12. **Sandaran:** Emas Digital yang dijual melalui Platform adalah disandarkan kepada jongkong emas seberat 1,000 gram atau 1 kg yang disimpan di dalam bilik kebal keselamatan yang telah ditetapkan bagi pihak Pelanggan.
- 2.13. **Bilik Kebal Keselamatan:** Safeguards G4S Malaysia (SG4S) telah dilantik oleh GO untuk menyimpan jongkong emas fizikal dengan selamat.
- 2.14. **Terma-Terma:** Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

3. Kontrak Syariah

- 3.1. eMas KT adalah produk patuh syariah yang berasaskan konsep syariah yang berikut:
 - a) Bai' Sarf – merujuk kepada penukaran wang dengan wang dalam bentuk yang sama atau berbeza. Wang adalah medium petukaran di dalam bentuk matawang, emas, perak, atau bentuk-bentuk lain yang diterima di bawah undang-undang syariah.
 - b) Wakalah – kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*Muwakkil*) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (*Wakil*) untuk menjalankan sesuatu tugas di dalam perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa sebarang fi. Di bawah produk ini, GO telah dilantik sebagai Wakil oleh Pelanggan untuk mengenalpasti, mengatur dan membayar penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan untuk menyimpan emas Pelanggan dengan selamat.
 - c) Aqad – sesuatu penawaran dan penerimaan jualan emas dan terma-termanya, di antara Pelanggan dan GO untuk menyempurnakan transaksi yang berkaitan dengannya.

4. Tujuan

- 4.1. Pelanggan dengan ini mengaku bahawa semua transaksi adalah dijalankan mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan di sini.

5. Pembukaan Akaun

- 5.1. Semua permohonan hendaklah menerusi Platform dan tertakluk kepada kelulusan oleh KT berdasarkan kelayakan Pelanggan.

- 5.2. Untuk melayakkan anda untuk membuka Akaun, anda hendaklah mewakili dan menjamin bahawa:
- a) anda adalah berumur 18 tahun dan ke atas;
 - b) anda merupakan warganegara Malaysia;
 - c) anda tidak diisytiharkan bankrap;
 - d) anda bersetuju untuk membenarkan kami menjalankan semakan ke atas identiti peribadi dan status bermastautin bagi tujuan pencegahan pengubahan wang haram dan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA);
 - e) anda bersetuju untuk memberikan kami dokumentasi seperti MyKad (sekiranya perlu) semasa pendaftaran;
 - f) anda mempunyai kapasiti undang-undang untuk pembukaan Akaun;
 - g) anda hanya mempunyai satu (1) Akaun pada sesuatu masa; dan
 - h) anda tidak akan mencabuli hak harta intelek kami.
- 5.3. KT mempunyai hak untuk menolak permohonan disebabkan oleh ketidaklayakan berdasarkan Klausula 5.2 di atas.

6. Akses Pihak Ketiga

- 6.1. Anda digalakkan untuk mengisi butiran wakil peribadi/waris peribadi anda semasa pendaftaran Akaun anda sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak dijangka. Anda hendaklah memaklumkan kepada wakil peribadi/waris anda, beliau/mereka adalah tertakluk kepada kriteria yang sama bagi Pelanggan termasuk semakan identiti peribadi dan tempat kediaman.

7. Akaun Dorman

- 7.1. Pelanggan hendaklah memastikan Akaun anda mempunyai transaksi yang aktif atau Akaun akan dianggap sebagai Akaun Dorman sekiranya Akaun tersebut tidak mempunyai baki emas dan tiada sebarang entri debit dan kredit sepanjang enam (6) bulan yang terkini, tidak termasuk Fi Simpanan. Pelanggan akan menerima notifikasi sebagai peringatan untuk mengaktifkan Akaun atau membuat pilihan untuk menutup Akaun.

8. Penutupan Akaun

- 8.1. GO mempunyai hak untuk menutup Akaun Pelanggan sekiranya GO tidak menerima sebarang maklumbalas daripada Pelanggan atau Akaun berstatus dorman selama lebih daripada enam (6) bulan.
- 8.2. Pelanggan boleh menutup Akaun sekiranya tiada baki emas yang tinggal di dalam Akaun.
- 8.3. Sebarang Fi Simpanan yang tertunggak akan ditolak daripada Akaun sebelum penutupan Akaun.
- 8.4. Sekiranya berlaku kematian Pelanggan, penutupan Akaun hanya boleh dilaksanakan oleh wakil peribadi/waris Pelanggan.
- 8.5. Pelanggan boleh memohon untuk menutup Akaun melalui KT Customer Care dan proses akan mengambil masa sehingga 2-3 hari bekerja bagi tindakan lanjut oleh GO. Notifikasi melalui emel akan dihantar berkenaan penutupan akaun.
- 8.6. Pelanggan yang ingin mengaktifkan semula Akaun mereka boleh mendaftar semula di Platform melalui KTONline.

9. Data Peribadi

- 9.1. Pelanggan bersetuju bahawa semua maklumat yang diberikan kepada KT dan GO adalah selari dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2001 (PDPA) dan mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan perlindungan data yang lain, dan anda akan mengambil semua langkah-langkah yang diperlukan bagi memastikan semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan perlindungan data dipatuhi sepenuhnya.
- 9.2. Pelanggan dengan ini menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada KT dan GO untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi anda yang diberikan kepada atau yang diperoleh oleh KT dan GO mengenai anda dan Akaun anda selari dengan Notis Privasi KT. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca Notis Privasi KT di laman web KT www.katmb.com.my dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi KT tersebut.
- 9.3. Pelanggan dengan ini membenarkan dan bersetuju untuk KT dan GO mendedahkan data keadaan kewangan peribadi, perincian berkaitan Akaun dan hubungan kepada pihak berikut dan bagi tujuan penggunaan data peribadi Pelanggan yang berikut:
 - a) Pihak berkuasa di Malaysia dan lain-lain tempat bagi tujuan mematuhi keperluan undang-undang, peraturan, pematuhan dan pengurusan risiko termasuk pematuhan US' Foreign Account Tax Compliance Act ("FATCA") dan Organization for Economic Cooperation and Development's Common Reporting Standards ("CRS");
 - b) Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM) atau Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
 - c) Pihak-pihak, deposit sekuriti berpusat, pendaftar, ejen kutipan hutang; dan/atau
 - d) Lain-lain pihak atau entiti di mana pendedahan adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan kerajaan.

10. Bencana di Luar Kawalan

- 10.1. Sebarang peristiwa atau situasi yang berada di luar kawalan munasabah KT/GO dan termasuk, tanpa had:
 - a) Gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak, pandemik, dan bencana alam yang lain;
 - b) Keganasan, rusuhan, kekecohan atau kacau bilau awam, peperangan (diisytiharkan atau tidak) dan mogok; dan
 - c) Akses tidak sah kepada data komputer dan peranti simpanan, serangan virus, pelanggaran keselamatan dan enkripsi dan sebarang peristiwa seumpamanya.
- 10.2. KT/GO tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pelanggan atau pihak ketiga atas sebarang kerugian atau kerosakan berkaitan ketidakupayaan menggunakan Platform, kehilangan wang simpanan /pendapatan yang dijangkakan, sebarang kerugian atau kerosakan tidak langsung atau turutan, liabiliti, kecederaan, perbelanjaan sekiranya KT/GO tidak dapat melaksanakan atau menyediakan perkhidmatan disebabkan oleh Bencana di Luar Kawalan.

11. Pembelian Emas

- 11.1. Pelanggan mengaku bahawa:
 - a) minimum baki emas bernilai RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh) hendaklah dikekalkan pada setiap masa, kecuali untuk penutupan akaun;
 - b) pasaran emas adalah tidak stabil;
 - c) kerugian boleh berlaku daripada pelaburan emas ini;
 - d) pelaburan dalam emas tidak memberikan dividen atau hasil keuntungan;
 - e) harga emas perlu meningkat mencukupi sepanjang tempoh pelaburan untuk menghasilkan keuntungan pada penjualan;
 - f) nilai pelaburan emas dan Fi Simpanan boleh berubah mengikut perubahan naik turun dalam pasaran emas antarabangsa dan/atau tempatan serta pasaran pertukaran asing;
 - g) pelaburan emas adalah tidak dijamin oleh KT/GO dan tidak dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM); dan
 - h) Pembayaran untuk pembelian emas hendaklah dibuat melalui platform Pertukaran Proses Kewangan/*Financial Process Exchange (FPX)*.
- 11.2. Anda ditawarkan untuk membuat pembelian minimum Emas Digital pertama dan selanjutnya bernilai RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh) berdasarkan harga pasaran emas semasa yang dipaparkan di Platform.
- 11.3. Harga belian yang dinyatakan di Platform adalah ditetapkan oleh GO mengikut budi bicara GO dengan mengambil kira semua faktor yang berkaitan.
- 11.4. Anda ditawarkan pilihan untuk membuat pembelian Emas Digital samada di dalam bentuk gram atau Ringgit Malaysia.
- 11.5. Transaksi boleh dilakukan setiap hari dari 8.30 pagi sehingga 11.59 malam, 365 hari setahun.
- 11.6. Had transaksi belian harian anda adalah sehingga 1,000 gram/1kg sepanjang waktu dagangan dan/atau hari bekerja. GO berhak membatalkan atau mengundurkan sebarang pembelian anda yang melebihi had transaksi harian.
- 11.7. GO berhak untuk mengubah had transaksi harian dengan menyiarkan notis di dalam Platform.
- 11.8. Anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan Harga dan Transaksi adalah mengikut pilihan sebelum melakukan pembelian.
- 11.9. Pembatalan dan pemulangan tidak akan terpakai sebaik sahaja transaksi disahkan.
- 11.10. Anda mengakui bahawa belian asal dan pembelian seterusnya adalah tertakluk kepada budi bicara GO dari semasa ke semasa dengan memaparkan notis di Platform.

12. Penyimpanan

- 12.1. Hak undang-undang, pemilikan, kepentingan, dan harta anda di dalam Akaun adalah terletak pada anda pada setiap masa.
- 12.2. Anda dengan ini bersetuju melantik GO, dan GO bersetuju untuk bertindak sebagai penjaga bagi Akaun dengan mengenalpasti, mengatur dan membayar penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan bagi menyimpan jongkong emas fizikal dengan selamat.
- 12.3. Sebagai sebahagian daripada peranan GO sebagai penjaga, GO hendaklah memastikan keselamatan jongkong emas adalah dilindungi melalui insurance/takaful.
- 12.4. Anda tidak akan mempertanggungjawabkan GO bagi sebarang kerugian, caj dan liabiliti akibat daripada kecauaian penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan.
- 12.5. GO pada bila-bila masa berdasarkan budi bicaranya menetapkan prosedur yang berkenaan berkaitan deposit dan/atau pengeluaran jongkong emas fizikal apabila difikirkan munasabah dan besesuaian oleh GO.
- 12.6. Sekiranya GO menghentikan perniagaan atau operasi atau dibubarkan, GO akan menugaskan entiti yang sah di sisi undang-undang untuk bertindak sebagai pentadbir untuk mencairkan emas yang dimiliki oleh anda di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan harga pasaran dan kos pencairan tersebut adalah ditanggung oleh Pelanggan.

13. Jualan Emas Digital

- 13.1. Anda haruslah menjadi pemilik sah Akaun dan bertindak bagi pihak diri sendiri, bukan sebagai ejen atau wakil bagi pihak, individu dan organisasi yang lain.

- 13.2. Harga yang ditawarkan kepada Pelanggan adalah harga pasaran emas semasa yang dipaparkan di dalam Platform.
- 13.3. Hasil jualan akan dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi Pelanggan yang didaftarkan di Platform menggunakan platform *Financial Process Exchange* (FPX). Amaun tersebut akan dipaparkan dalam T + 2 hari bekerja.
- 13.4. Anda bertanggungjawab untuk membayar:
 - a) Semua cukai atau levi yang perlu dibayar; dan/atau
 - b) Zakat bagi Pelanggan Islam tertakluk kepada syarat nisab dan haul.
- 13.5. GO berhak untuk menolak sebarang permohonan penjualan daripada mana-mana Pelanggan sekiranya jumlah jualan harian agregat dari semua Pelanggan melebihi Had Agregat Harian atau pada bila-bila masa yang GO anggap sesuai.
- 13.6. Had maksimum agregat harian adalah 1,000 gram dan tertakluk kepada budi bicara GO dari semasa ke semasa.

14. Penukaran Emas Fizikal

- 14.1. GO akan bertindak sebagai ejen (wakil) kepada Pelanggan untuk menyimpan/memegang emas yang telah dibeli/ditukarkan di dalam penjagaannya sehingga pengambilan atau penghantaran dilakukan.
- 14.2. Anda ditawarkan untuk menukar baki emas yang tersedia di dalam Akaun kepada emas cetak fizikal, berdasarkan dinominasi emas 0.5 gram, 1 gram, 2.5 gram, 4.25 gram (1 dinar), 5 gram, 10 gram, 21.25 gram (5 dinar), 50 gram dan 100 gram.
- 14.3. GO akan melantik Bilik Kebal Keselamatan untuk menyimpan Emas Digital sehingga Pelanggan memohon untuk penukaran emas fizikal.
- 14.4. Setiap jongkong emas cetak fizikal mempunyai logo berjenama IGR™ yang eksklusif dan dikedap di dalam bungkusan keselamatan yang mempunyai Sijil perlindungan atau certilGR yang menjamin ketulenan 999.9 dan berat. Semua jongkong IGR memenuhi LBMA Good Delivery Standard bagi memastikan tahap ketulenan dan kualiti tertinggi.
- 14.5. Anda mengakui bahawa tanggungjawab LBMA, sebagai pihak berkuasa antarabangsa untuk emas fizikal:
 - a) LBMA adalah fulkrum kepada prinsip-ke-prinsip antarabangsa bagi pasaran logam berharga. LBMA menetapkan piawaian bagi ketulenan, tempat dan asal usul jongkong tersebut sehingga cara emas di dagangkan; di dalam Good Delivery Rules for Gold and Silver Bar Specification for Good Delivery Bars and Application Procedures for Listing March 2015; dan
 - b) Semua jongkong emas yang ditauliah oleh LBMA adalah disahkan oleh Ketua Penguji Pengeluar Emas termasuk maklumat tidak terhad kepada isi kandungan emas, kehalusan, berat kasar minima emas dan nombor jongkong.
- 14.6. Penukaran akaun emas kepada jongkong emas cetak fizikal hanya boleh dilaksanakan oleh Pelanggan yang mempunyai Akaun yang berdaftar.
- 14.7. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan jongkong emas cetak fizikal Pelanggan dihantar ke alamat yang benar. Kegagalan untuk memastikan perkara tersebut boleh menyebabkan kehilangan jongkong emas cetak fizikal dan GO tidak bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut. Kaedah penghantaran bagi jongkong emas cetak fizikal adalah melalui penghantaran kurier sahaja.
- 14.8. Penghantaran akan mengambil masa selama 3-5 hari bekerja bagi Semenanjung Malaysia dan 3-7 hari bagi Sabah dan Sarawak. Anda juga boleh menyemak status penghantaran di Platform.
- 14.9. GO akan menghubungi pelanggan apabila menerima emas cetak fizikal yang tidak dipungut daripada syarikat kurier, GO akan menyelaraskan dengan Pelanggan untuk penghantaran kali kedua dan kos penghantaran tersebut hendaklah dibayar oleh Pelanggan sebelum GO meneruskan proses penghantaran.
- 14.10. Bagi Pelanggan yang membuat aduan berkenaan jongkong emas cetak fizikal adalah tidak tulen (i.e. emas adalah palsu), dan/atau hilang, Pelanggan hendaklah membuat laporan polis dan membuat aduan kepada pasukan khidmat pelanggan. GO juga mempunyai hak untuk menghubungi penguatkuasa perundangan, kerajaan atau pengawal selia berkenaan aduan tersebut. Tindakan seterusnya untuk menyelesaikan aduan akan diambil oleh GO selepas proses siasatan telah lengkap.

15. Fi dan Caj

- 15.1. Pelanggan dengan ini mengakui bahawa fi dan caj yang dikenakan terhadap transaksi adalah seperti yang berikut:
 - a) Fi Simpanan
 - i. Anda bersetuju untuk membayar, di dalam bentuk gram emas, fi simpanan bulanan Akaun.
 - ii. Fi simpanan adalah 1% setahun berdasarkan kepada pegangan emas harian anda. Fi simpanan akan diakru dan didebit daripada Akaun secara bulanan di setiap akhir bulan atau RM1 bersamaan dengan emas berbentuk gram, mana-mana yang lebih tinggi semasa penutupan akaun. Bagi penutupan akan, fi simpanan akan dikira berdasarkan kadar pro-rata.
 - iii. Fi simpanan ini dikira mengikut kadar tersebut dan tertakluk kepada caj minimum setiap bulan, yang boleh ditetapkan dari semasa ke semasa. GO akan memaklumkan kepada anda dengan menyiarkan notis di Platform sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja sebelum tarikh efektif bagi perubahan tersebut
 - iv. Fi simpanan akan dibatalkan sekiranya anda membuat permohonan untuk menjual semula Emas

Digital dan/atau penukaran emas fizikal selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

b) Transaksi FPX

Anda akan membayar fi pemprosesan RM1.20 bagi setiap transaksi perkhidmatan FPX yang berjaya bagi belian dan jualan emas.

c) Penukaran Emas Fizikal

- i. Fi penukaran emas fizikal akan dikenakan kepada Pelanggan bagi setiap permohonan perkhidmatan tersebut dan fi yang dikenakan adalah berdasarkan fi dan caj sepertimana yang dinyatakan di dalam laman web rasmi KT di www.katmb.com.my.
- ii. Jumlah fi bagi penukaran emas fizikal adalah termasuk Caj Pembuatan, Caj Premium/Keping, Caj Pengendalian/Keping, Fi Takaful/Keping, Caj Bungkusan dan Caj Penghantaran.
- iii. Kos penukaran boleh disemak dan dipinda dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis bergantung kepada caj yang dikenakan oleh pihak vendor dan penyedia perkhidmatan.
- iv. Maksimum dinominasi bagi penukaran emas fizikal bagi jongkong emas cetak adalah 100 gram atau maksimum 30 keping setiap bungkusan.

16. Penjualan Semula Jongkong Emas Cetak Fizikal

- 16.1. KT/GO tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap spesifikasi emas IGR yang diedar sekiranya dijual di dalam pasaran kedua kepada pihak ketiga.
- 16.2. KT/GO tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membeli jongkong emas cetak fizikal daripada Pelanggan.

17. Ganti Rugi

- 17.1. KT/GO tidak akan bertanggungjawab bagi setiap tindakan, tuntutan, kerugian, kos, caj dan perbelanjaan yang akan ditanggung, dialami, atau dilibatkan oleh Pelanggan hasil daripada mempunyai Akaun.
- 17.2. Pelanggan hendaklah pada setiap masa menanggung rugi KT/GO terhadap tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan atas dasar peguam dan anak guam) pada bila-bila masa oleh dan/atau disebabkan oleh mana-mana pihak terhadap KT/GO sekiranya berlaku pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat oleh Pelanggan kecuali sekiranya tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang timbul akibat daripada kecuaiian, kesalahan atau penipuan oleh KT/GO.

18. Penggantungan Akaun

- 18.1. KT/GO boleh membekukan atau menggantung sebarang transaksi di dalam Akaun bagi apa-apa sebab mengikut budi bicaranya yang tidak bercanggah atau dilarang oleh undang-undang.
- 18.2. Penggantungan Akaun akan ditarik semula sebaik sahaja KT/GO berpuashati dengan tindakan yang diambil untuk menarik balik pengantungan tersebut.

19. Tugas

- 19.1. Semua hak, pemilikan, kepentingan dan faedah Akaun tidak boleh dipindah milik dan diserahkan dalam apa jua keadaan.
- 19.2. Ini termasuk cagaran atau lien yang dilakukan kepada Akaun dan KT/GO tidak akan dipertanggungjawabkan.

20. Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat.

KT/GO mempunyai hak untuk menambah, meminda, memadam, tambahbaik, menukar sebahagian atau menukar semua atau mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis yang dianggap mencukupi sebelum menambah, meminda, memadam, tambahbaik, menukar semua atau mana-mana bahagian Terma-Terma dan Syarat-Syarat di Platform atau kaedah medium komunikasi lain yang difikirkan bersesuaian oleh KT/GO.

21. Undang-Undang Terpakai

Terma-Terma ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia.

22. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)

- 22.1. Pelanggan hendaklah memastikan semua transaksi di dalam Akaun tidak digunakan bagi aktiviti haram yang bertentangan dengan AMLATFPUAA.
- 22.2. Pelanggan dengan ini mengaku semua duit yang dibayar bagi transaksi Akaun adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukan hasil daripada aktiviti yang didefinisikan di bawah AMLATFPUAA.